

JADUAL PERLAWANAN KARNIVAL SUKAN MASUM 2015, UTM 27 JULAI-7 OGOS 2015

Bil	Acara / Tarikh	Pingat												Jumlah Hari	Venue				
		Ditawarkan																	
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12						
27	28	29	30	31	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	E	P	G
1	Majlis Perasmian																		
2	Ragbi 15'S		MP														1	1	1
3	Bola Baling		MP														2	2	2
4	Bola Tampar		MP														2	2	2
5	Bola Sepak		MP														1	1	1
6	Bola Jaring		MP					1									1	1	1
7	Hoki Wanita		MP					1									1	1	1
8	Catur		MP						4								4	4	4
9	Woodball		MP						2	3	2						7	7	7
10	Renang		MP						12	14	14						40	40	40
11	Taekwondo			MP	3	2	8	8									21	21	42
12	Karate-do							MP									17	17	34
13	Bola Keranjang													2			2	2	2
14	Lawn Bowls																8	8	8
15	Petanque																11	11	11
16	Softbol																2	2	2
17	Futsal																2	2	2
18	Sepak takraw																1	1	1
19	Memamah																26	26	26
20	Pencak Silat																22	22	38
21	Basikal																6	6	6
22	Majlis Penutup																		
Jumlah																	177	177	231
Nota : * MP - Mesyuarat Pengurus																			

Nota : * MP - Mesyuarat Pengurus









Buletin

MASUM 2015, UTM

KARNIVAL SUKAN

MASUM 2015

KARNIVAL SUKAN MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA

EDISI 1

27 JULAI 2015, ISNIN / 11 SYAWAL 1436H

UPACARA MENAIKKAN BENDERA KONTINJEN UTM DISAMBUT MERIAH

Upacara menaikkan bendera Kontinjen UTM telah diadakan pada 23 Julai 2015 bermula pada jam 3.00 petang bertempat di Sports Hall 1, UTM. Setelah upacara menaikkan bendera UTM serta nyanyian lagu 'Sanjungan Bangsa', acara diteruskan dengan ucapan Pengarah Sukan UTM, Tuan Haji Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani.

Selaku tuan rumah, Tuan Haji Abdul Malik mengharapkan pasukan universiti dapat menggondol gelaran juara keseluruhan dalam karnival ini. Pihak universiti turut menyatakan hasrat agar para atlet mencapai pencapaian terbaik dari segi akademik dan juga bukan akademik.

Selain itu juga, beliau menyeru agar para atlet dapat menggembeleng tenaga dan minda untuk mendapat keputusan yang terbaik. Para atlet juga dinasihatkan agar dapat memberikan saingan yang terbaik kepada semua kontinjen dan bersedia dari segi mental dan fizikal sebelum bertanding.


Sports
 excellence

KATA-KATA ALUAN

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola



Salam sejahtera dan salam Satu Malaysia diucapkan kepada semua pegawai, atlet dan pihak yang terlibat dalam Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia 2015, UTM. Tidak terlewat juga untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Pertamanya saya dan seluruh warga Universiti Teknologi Malaysia selaku tuan rumah mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran semua kontinjen daripada Universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia ke Kampus Hijau UTM.

Tahniah diucapkan kepada semua atlet yang telah terpilih mewakili Institusi masing-masing. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus melakukan persiapan bagi Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia 2015, UTM yang sedang berlangsung.

Saya berharap semua pasukan yang mengambil bahagian akan bertanding dengan penuh semangat kesukanan serta menunjukkan mutu permainan yang berkualiti. Semoga jalinan perpaduan dan semangat persahabatan antara pasukan setiap institusi dapat dieratkan. Diharapkan juga Karnival Sukan MASUM 2015, UTM ini dapat mewujudkan jalinan hubungan baik di kalangan atlet bukan saja dalam aspek sukan tetapi juga dalam hubungan kerja hakiki di institusi masing-masing selepas tamat Karnival Sukan MASUM 2015, UTM ini pada masa-masa akan datang.

Akhir kata, saya berharap semua pasukan akan mempamerkan aksi cemerlang dan berjuang bagi memartabatkan sukan di peringkat universiti dan saya doakan semoga kejohanan ini akan berjalan lancar. Insya'Allah.

Sekian terima kasih.

"KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN UNIVERSITI"

YBGH. PROF. DR. MOHD ISMAIL BIN ABD AZIZ

*Timbalan Naib Canselor (HEMA)
Universiti Teknologi Malaysia*

KATA-KATA ALUAN

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izinnya Buletin MASUM 2015, UTM Edisi Khas ini telah berjaya diterbitkan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua ahli jawatan kuasa pengelola yang telah bertungkus lumus terlibat dalam menjayakan Karnival Sukan MASUM 2015, UTM.

Saya amat berbesar hati kerana UTM telah sekali lagi terpilih menjadi tuan rumah acara sukan peringkat kebangsaan iaitu Karnival Sukan MASUM 2015 ini yang berlangsung dari 27 Julai 2015 hingga 7 Ogos 2015. Saya berharap Karnival Sukan MASUM 2015, UTM pada kali ini akan menjadi medan terbaik untuk semua atlet IPTA mempamerkan kemahiran bersukan dalam semangat kesukanan yang tinggi di samping membina jaringan silaturrahim dan seterusnya membudayakan amalan gaya hidup sihat.

Akhir kata saya mengucapkan selamat bertanding kepada semua atlet yang mengambil bahagian. Harapan saya semoga segala perancangan yang telah dirancang akan dapat direalisasikan dan boleh di jadikan pengalaman yang amat berharga bagi tahun 2015 ini.

Sekian terima kasih

"KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN UNIVERSITI"

YBGH. TN. HJ. ABDUL MALIK BIN HJ. ABDUL GHANI

*Pengarah Sukan
Universiti Teknologi Malaysia*

PERSIAPAN TERAKHIR MENJELANG KARNIVAL SUKAN MASUM 2015, UTM

23 Julai 2015 (Jumaat) - Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Sekretariat Karnival Sukan MASUM 2015, UTM dalam usaha menyediakan segala kemudahan dan kelengkapan sepanjang Karnival Sukan MASUM 2015, UTM yang berlangsung dari 27 Julai 2015 hingga 7 Ogos 2015. Antara sekretariat yang terlibat adalah dari unit Buletin, Tugas Khas, Majlis & Persembahan, Ketua Teknikal & Pertandingan, Entreprenuer, Perubatan, Pengangkutan, Keselamatan, ICT, Jamuan, dan Penginapan. Mereka ini terdiri daripada staf dan pelajar UTM yang berbesar hati untuk menjadi sukarelawan bagi memastikan Karnival Sukan MASUM 2015, UTM berjalan lancar. Untuk sebarang masalah, kontinjen dan peserta Karnival Sukan MASUM 2015, UTM boleh menghubungi Sekretariat Karnival Sukan MASUM 2015, UTM di talian 07-5535776, Sports Hall 1.



DATUK NC BERBASIKAL BERSAMA ATLET UTM



26 Julai 2015 (Ahad) – Aktiviti yang gemar dilakukan oleh Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Datuk. Dr. Ir. Wahid bin Omar sebagai satu gaya hidup sihat telah dijadikan sebagai satu aktiviti menjelang sehari sebelum Karnival Sukan MASUM 2015. Beliau berbasikal bersama atlet-atlet UTM bermula dari Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim dan berakhir di Stadium UTM dengan diiringi oleh pegawai-pegawai kanan dan staf USE.



PERJUMPAAN KHAS KONTINJEN UTM



23 Julai 2015 (Khamis) - Semangat para atlet Universiti Teknologi Malaysia ditiupkan oleh Encik Armadi Bin Ahmad dan staf-staf UTM Sports Excellence (USE) di stadium kebanggaan UTM. Sesi perkenalan staf serta ucapan selamat datang turut diadakan bagi menghargai kepulangan atlet-atlet UTM yang sanggup mengorbankan cuti berhari raya mereka demi berkhidmat kepada universiti tercinta. Staf-staf USE tidak putus-putus memberi kata-kata semangat agar kontinjen UTM dapat menjadi juara keseluruhan sekaligus menaikkan nama UTM di peringkat yang lebih tinggi.





MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN UTM



26 Julai 2015 (Ahad) – Majlis penyerahan bendera kontinjen UTM oleh Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Datuk. Dr. Ir. Wahid bin Omar telah diadakan di Stadium UTM. Bendera kontinjen UTM tersebut telah diserahkan kepada Encik Rizam Bin Rahmat selaku Ketua Kontinjen Universiti Teknologi Malaysia dengan disaksikan oleh para atlet dan staf *UTM Sports Excellence* berlangsung penuh meriah. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni), Prof. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola dan juga Pengarah Sukan, Tn. Hj. Abdul Malik bin Hj. Abdul Ghani merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana serta pegawai-pegawai kanan UTM. Selaku Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Datuk. Dr. Ir. Wahid bin Omar mahu penganjuran Karnival Sukan MASUM kali ini benar-benar berlangsung dengan jayanya. Beliau juga turut menetapkan sasaran kepada atlet-atlet UTM agar dapat menggondol 50 pingat emas sekaligus mengungguli juara keseluruhan Karnival Sukan MASUM 2015.



TAKLIMAT SUKARELAWAN UMUM KARNIVAL SUKAN MASUM 2015, UTM

24 Julai 2015 (Jumaat) - Pada jam 8.00 pagi, satu sesi taklimat telah diberikan kepada semua sukarelawan sekretariat Karnival Sukan MASUM 2015 oleh Puan Rahmah Binti Yusak dan Encik Armadi bin Ahmad. Ucapan penghargaan diberikan atas kesudian setiap ahli sukarelawan kerana sudi menghadirkan diri untuk membantu menjayakan Karnival Sukan MASUM 2015. Setiap staf diperkenalkan kepada sukarelawan yang terlibat. Segala informasi yang berkaitan seperti penginapan, pengangkutan, keselamatan, pembahagian tugas, dan aturcara majlis disampaikan secara ringkas dan padat. Ahli sukarelawan juga dinasihati agar sentiasa bekerjasama supaya tugas yang sukar menjadi lebih mudah dan jalan penyelesaian dapat dicapai. Sesi diteruskan dengan sesi perkenalan antara sukarelawan bagi mengeratkan hubungan sesama ahli.



25 Julai 2015 (Sabtu) - Penerangan yang lebih mendalam tentang bidang-bidang tugas yang perlu dilakukan oleh para sukarelawan sekretariat diberikan oleh En Ainul Jamilus bin Ahmad. Kejayaan setiap program bergantung kepada komitmen setiap sukarelawan. Sukarelawan juga perlu mempamerkan sikap yang lebih positif dan proaktif agar setiap perjalanan program dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.



LAWATAN TNC (HEMA) MENINJAU PERSIAPAN UTM

26 Julai 2015 (Ahad) - Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengelola, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni), Prof. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz telah membuat lawatan ke Pusat Operasi Sekretariat bertempat di Sports Hall 1 untuk melihat persiapan sekretariat dan sukarelawan bagi menyambut kedatangan kontinjen-kontinjen daripada 20 IPTA yang terlibat dalam Karnival Sukan MASUM 2015. Beliau menyatakan hasrat agar para sekretariat dan sukarelawan dapat menjalankan tugas dengan sebaik mungkin bagi memastikan segala acara sepanjang Karnival Sukan MASUM 2015 berlangsung berjalan dengan lancar. Di samping itu juga, beliau turut mengambil kesempatan melawat persiapan atlet-atlet di sekitar UTM yang sedang menjalani latihan terakhir sebelum beraksi di pentas Karnival Sukan MASUM 2015.





CORAJ. COREJ

MASUM 2015 - UTM

PERSEDIAAN
KONTINJEN UTM



PERSEDIAAN SUKARELA-
WAN SEKRETARIAT UTM

